

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 APRIL 2016

Kejayaan skim hartanah, unit amanah lain hasil kesinambungan semangat DEB

Pencapaian memberangsangkan

UM-8/4/2016

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 APRIL

KEJAYAAN skim hartanah dan unit amanah yang lain membuktikan kesinambungan daripada semangat Dasar Ekonomi Baharu (DEB) telah membolehkan hasil kekayaan negara dapat diagihkan secara adil dan saksama antara kaum dan budaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dengan prinsip tersebut walaupun DEB telah berakhir dan kerajaan kemudiannya memperkenalkan Model Ekonomi Baharu (MEB) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), agenda bumiputera tetap diteruskan di bawah dasar-dasar tersebut.


Beliau berkata, pencapaian itu juga adalah hasil daripada pengurusan ekonomi yang kukuh oleh kerajaan selama ini termasuk dasar fiskal dan monetari.

Menurut beliau, Malaysia juga berada dalam landasan yang tepat untuk mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara empat hingga 4.5 peratus tahun ini sekalipun berdepan cabaran ekonomi semasa.

"Dalam masa sama, kita juga menyaksikan ringgit semakin mantap ketika ini sekali gus menunjukkan isyarat kejayaan kepada dasar-dasar kita selama ini dan lebih yakin terhadap masa depan ekonomi negara kita.

"Ini membolehkan kita memasukkan aset-aset yang mampu memberi pulangan lebih baik dalam skim-skim pelaburan yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



NAJIB TUN RAZAK melancarkan 1.5 bilion unit tambahan Amanah Hartanah Bumiputera sambil diperhatikan oleh **Wahid Omar** (dua dari kiri) dan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Pelaburan Hartanah Berhad, **Datuk Kamalul Arifin Othman** (empat dari kiri) pada majlis tersebut, di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

berucap dalam Majlis Pelancaran 1.5 Bilion Unit Tambahan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB), Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi PHB, Tan Sri Md. Nor Yusof.

AHB merupakan unit amanah patuh syariah dan dilancarkan pada 29 November 2010 dengan saiz permulaan sebanyak satu bilion unit.

Dengan tambahan kali ketiga

unit itu menyaksikan keseluruhan dana AHB berjumlah 3.5 bilion unit setelah ditambah 500 juta unit pada 2012 dan 2013.

Dana tersebut diwujudkan bagi memberi peluang kepada masyarakat bumiputera supaya turut serta melabur dan mengambil bahagian dalam pemilikan benefisial hartanah-hartanah komersial perdana di Malaysia melalui pegangan unit dalam AHB.

Menurut Najib, kadar pelaburan minimum perseorangan bagi AHB dikurangkan kepada RM100 daripada RM500 bagi memberi peluang

lebih ramai bumiputera melabur dalam dana tersebut.

Perdana Menteri berkata, AHB mencatat agihan pendapatan yang kompetitif sejak 2011 dengan kadar kemuncak dicatatkan pada 2013 mencecah 7.5 sen seunit secara bersih.

"Saya difahamkan dana ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan dengan ini, saya mengumumkan kadar pelaburan maksimum perseorangan ditingkatkan kepada RM500,000 berbanding RM400,000 sebelum ini dengan pelaburan minimum dikurangkan kepada RM100," katanya.